

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : PENGANTAR BIOLOGI  
KOD KURSUS : BBR 26303  
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
(SEKOLAH RENDAH)  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2013  
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN.

KERTAS SOALAN IN IMENGANDUNGI TIGA (3) MUKASURAT

**SULIT**

- S1** (a) (i) Nyatakan tujuh ciri-ciri tertentu pada bahagian bunga yang menunjukkan perbezaan jika disebabkan pendebungaan oleh agen angin dan agen serangga. (7 markah)
- (ii) Nyatakan enam agen-agen pendebungaan selain daripada angin dan serangga. (6 markah)
- (b) Berikan empat kelebihan pendebungaan kacuk. Seterusnya nyatakan tiga faedah pendebungaan kacuk dalam bidang pertanian. (7 markah)
- S2** (a) Hidupan organisma merupakan sebahagian daripada komponen biodiversiti alam semesta. Nyatakan dan huraikan lima ciri-ciri organisma hidup. (10 markah)
- (b) Bandingkan perbezaan di antara sel haiwan dan sel tumbuhan dengan berbantuan teks dan gambar rajah. (10 markah)
- S3** (a) Bahagian penting bagi sebatang pokok adalah akar, badan, dahan, ranting, dan daun. Batang pokok kebanyakannya terdiri daripada tisu penyokong xilem dan tisu pengangkutan floem. Sebenarnya, kayu terdiri daripada sel xilem, dan kulit kayu kebanyakannya terdiri daripada floem.
- i. Lukiskan bahagian tisu floem dan xilem pada tumbuhan seperti pokok bunga raya. (4 markah)
- ii. Berdasarkan kepada lukisan tersebut, huraikan mengapa kulit kayu di atas gelang potongan kulit kayu menjadi membengkak dan daun pokok tidak menjadi layu. (4 markah)
- (b) Berpandukan gambar rajah yang sesuai, terangkan kitaran hidup lalat rumah. (12 markah)

- S4** (a) Paru-paru merupakan organ dalam sistem pernafasan dan termasuk dalam sistem kitaran vertebrata yang bernafas. Ia berfungsi untuk menukar oksigen dari udara dengan karbon dioksida dari darah dengan bantuan hemoglobin. Proses ini dikenali sebagai respirasi atau pernafasan.
- i. Lukis dan labelkan struktur paru-paru manusia. (6 markah)
  - ii. Terangkan empat ciri paru-paru manusia. (4 markah)
- (b) Terangkan bagaimana resapan oksigen berlaku dari alveolus ke dalam sel badan. Gunakan gambar rajah dan label yang sesuai untuk menggambarkan proses resapan oksigen berlaku. (10 markah)
- S5** (a) Jantung ialah pusat mengepam utama darah manusia ke dalam sistem badan. Manusia mempunyai sistem peredaran ganda dua kerana darah mengalir melalui jantung dua kali di dalam badan kita. Terangkan kedua-dua laluan darah dalam badan. (10 markah)
- (b) Huraikan lima kepentingan jantung yang sihat kepada manusia. (10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**